

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI KILANG PADI PERSATUAN SYARIKAT KERJASAMA KILANG PADI, TANJONG KARANG PADA 29 OGOS, 1965

Saya sukacita dapat hadir di Pembukaan Rasmi Kilang Padi yang besar ini.

Pembukaan Kilang Padi pada hari ini menunjukkan satu kejayaan yang besar yang telah dicapai oleh kaum tani dan peladang-peladang ke arah memperbaiki taraf hidup mereka dengan cara bersyarikat kerjasama dan bergotong royong. Ini patut menjadi teladan kepada kaum-kaum tani yang lain di seluruh negara dan sekalian rakyat yang lain apa yang boleh dicapai jika kita bersatu padu dan bekerjasama.

Saya sangat tertarik hati kepada perpaduan kaum tani. Pembinaan Kilang Padi ini dan kejayaan yang dicapai oleh Syarikat Kerjasama tidak akan dapat dijayakan jika tidak ada perpaduan antara petani-petani. Ini menunjukkan kerjasama antara peladang-peladang Melayu, Cina dan India yang menjadi anggota Persatuan ini dan telah bekerjasama menjayakan Kilang Padi ini. Kerjasama antara kaum dan bangsa dalam Persatuan ini sangat dihargai kerana ini sesuai dengan dasar Kerajaan Perikatan yang menggalakkan kerjasama dan persahabatan antara semua kaum yang tinggal di Malaysia ini.

Contoh yang ditunjukkan oleh peladang-peladang Melayu, Cina dan India di Tanjong Karang patut menjadi teladan kepada semua rakyat di merata-rata Malaysia. Saya menyeru kepada semua bangsa di Malaysia supaya bekerjasama dan mengadakan perkongsian dalam serba serbi lapangan terutama sekali dalam lapangan perniagaan dan perusahaan dengan bangsa-bangsa yang lain. Kerajaan sukacita hendak melihat banyak lagi perpaduan dan kerjasama antara anak-anak bumiputera dengan bangsa-bangsa lain dalam lapangan kerjasama, perniagaan dan perusahaan. Kerjasama ini mesti meliputi segala kehidupan dalam negara ini.

Dengan adanya kerjasama dan persefahaman ini sudah tentu keamanan dan kemakmuran Malaysia dan keteguhan politik akan terjamin. Sebaik-baik jaminan untuk Malaysia supaya tetap makmur dan teguh ialah perpaduan antara kaum terutama sekali antara orang-orang Melayu — Cina.

Kedudukan ekonomi kaum-kaum mestilah seimbang (there must be fairer distribution of wealth in this country). Kalau kedudukan ekonomi ini tidak seimbang maka kedudukan politik Malaysia dan keamanan di negara ini akan sentiasa terancam.

Sungguhpun konfrontasi Indonesia masih hebat lagi terhadap negara kita tetapi Kerajaan berazam untuk menentang konfrantasi itu. Dalam masa itupun Kerajaan akan terus menerus melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara dan luar bandar — tujuan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama ialah untuk meninggikan taraf hidup orang-orang di luar bandar dan menambahkan pendapatan mereka. Tujuan yang kedua ialah untuk mengadakan rumah-rumah bagi orang-orang miskin di bandar-bandar. Kerajaan tidak membezakan bangsa dalam menolong orang-orang miskin dan yang daif. Kemiskinan tidak ada perbezaan dan kemiskinan • tidak tahu bangsa dan agama. Kita akan menolong sesiapa sahaja yang miskin dan perlukan pertolongan.

Kerajaan berasa syukur dan terima kasih kepada rakyat semua kerana rakyat terus menerus memberikan taat setia kepada Kerajaan dalam menghadapi konfrantasi Indonesia. Khasnya saya memberi tahniah yang besar kepada penduduk-penduduk Tanjong Karang yang kebanyakannya adalah keturunan Indonesia yang tidak berubah taat setia dan keyakinannya kepada Kerajaan Perikatan dan kepada Kerajaan Malaysia. Saya berharap dan menyeru tuan-tuan supaya lebih taat lagi kepada negeri ini dan kepada Kerajaan yang ada sekarang dalam menentang konfrantasi Indonesia dan juga anasir-anasir jahat dalam negeri.

Dengan taat setia tuan-tuan dan rakyat-rakyat lain, Indonesia tidak akan berjaya untuk mengganyang negara kita. Komunis, pihak-pihak pelampau dan ultra semua kaum tidak akan berjaya untuk memecah belahkan kita.

Perpecahan Singapura - Saya fikir lebih baik kalau soal pepecahan ini tidak dicakapkan langsung kerana rakyat telahpun agak lupa berkenaan dengan peristiwa ini. Kalau perkara ini terus dibangkitkan maka perkara ini akan sentiasa berada dalam fikiran rakyat (It is better that the separation is not mentioned at all. People seem to have accepted it. Hence no use to explain it).

Semangat gotong royong atau gerakan syarikat kerjasama adalah satu-satunya asas yang baik dalam ekonomi untuk meninggikan taraf rakyat sesebuah negara itu, apa lagi seperti negara kita ini yang belum menjadi sebuah negara perusahaan yang mempunyai banyak kilang-

kilang perusahaan. Dasar ekonomi syarikat kerjasama boleh memberi sesuatu bangsa itu satu cara hidup yang sempurna dan tinggi jika dasar kerjasama itu dijalankan betul-betul dan dengan taat setia. Contoh negara-negara yang mempunyai ekonomi yang berdasarkan syarikat kerjasama dan yang sangat maju sekarang ialah negara-negara seperti Sweden, Denmark, Finland, New Zealand dan lain-lain lagi. Kita patutlah mencontohi negara-negara ini kerana mereka itu telah dapat mempunyai taraf hidup yang sempurna melalui syarikat kerjasama dan dasar gotong royong.

Negara Malaysia sungguhpun baharu mencapai kemerdekaan sangat maju dan telah dapat mencapai banyak kemajuan dalam serba serbi terutama pembangunan negara dan luar bandar. Tetapi saya yakin pembangunan dan kemajuan negara itu akan dapat dibesarkan dan diperluaskan lagi jika rakyat faham dan menerima asas yang baik seperti syarikat kerjasama ini sebagai satu jalan untuk meninggi taraf hidup. Contoh yang tuan-tuan dan puan-puan sendiri lihat bagaimana melalui syarikat kerjasama tuan-tuan dapat membangunkan kilang padi ini.

Dasar Kerajaan ialah menggalakkan syarikat-syarikat kerjasama yang ada di negeri ini. Tetapi pada pendapat saya, kita tidak payah menubuhkan lagi banyak syarikat kerjasama kerana banyak syarikat-syarikat kerjasama yang ada sekarang pun tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Dasar Kerajaan hari ini ialah menggalakkan syarikat-syarikat kerjasama tetapi saya telah memberi arahan kepada Kementerian yang berkenaan supaya menumpukan tenaga kepada syarikat-syarikat kerjasama yang masih ada. Supaya membetul dan memperkuatkan syarikat-syarikat kerjasama ini dan janganlah menubuhkan syarikat-syarikat kerjasama yang baharu sehingga syarikat-syarikat yang ada pada hari ini telah berdiri dengan teguhnya (Consolidation of Present Co-operative Societies).

Saya sedar juga syarikat-syarikat kerjasama selalu menghadapi kesulitan-kesulitan modal. Tetapi saya berharap dengan adanya Bank Bumiputera yang akan dijalankan tidak berapa lama lagi, perkara ini akan dapat diatasi. Tetapi saya berharap sangat-sangat supaya tuan-tuan jangan sahaja membuat Bank Bumiputera ini tempat hendak meminjam wang tetapi juga tempat tuan-tuan untuk menyimpan wang. Seseorang itu atau sesebuah syarikat atau negeri tidak akan maju dan berjaya dalam lapangan hidup jika mereka hanya tahu berhutang sahaja, menggunakan wang dan tidak tahu menyimpan. Inilah kelemahan-kelemahan orang-orang Melayu dan bumiputera yang besar dalam bidang ekonomi. Mereka kebanyakannya pandai meminjam wang tetapi tidak pandai menyimpan. Mereka membelanja wang lebih daripada pendapatan. Ini mestilah dihapuskan. Orang-orang Melayu mestilah menukarkan

cara berfikir dan tabiat mereka jika mereka hendak maju dalam abad yang ke 20 ini. Mereka mestilah sesuaikan kedudukan dan pemikiran mereka dengan keadaan masa. Sangat penting bagi orang-orang Melayu dan bumiputera selain daripada mendapat kemajuan-kemajuan dalam bidang ekonomi dan lapangan hidup yang lain mereka juga mesti mendapat kemajuan berfikir. There must be a change in our mental attitude towards life in general — there must be a lot of rethinking among Malays if they want to succeed and sustain their present position.

Kerajaan juga sedang menubuhkan satu Badan Pasaran Persekutuan yang akan menolong menjual perusahaan-perusahaan dan barang-barang hasil dari luar bandar. Kita berharap ini juga akan menolong membaiki kedudukan ekonomi orang-orang di luar bandar. Saya sedar pemasaran ini boleh menolong orang-orang kita dan sebab itulah Kerajaan bersetuju mengadakan Badan Pasaran Persekutuan ini. Tuan-tuan sendiri sedia maklum bagaimana mustahaknya Badan ini kerana saya mendapat tahu semenjak ada kawalan dan jaminan Kerajaan atas harga padi di Tanjong Karang, padi dan barang-barang yang dikeluarkan dari sini telah melipat ganda harganya dan juga hasil-hasil yang didapati amat banyak oleh kerana Kerajaan menjamin dan memberi harga yang tetap. Saya harap Badan Pasaran Persekutuan ini dapat menolong bukan sahaja dalam penjualan padi tetapi juga dalam penjualan ikan dan lain-lain lagi.

Kerajaan sedia membantu untuk memperbaiki ekonomi rakyat di luar bandar di segala lapangan. Tuan-tuan janganlah ragu-ragu tentang ini. Kerajaan sedia menolong rakyat, tetapi rakyat mestilah beri kerjasama. Seseorang itu tidak akan maju begitu juga negara tidak akan maju jika ia tidak menolong diri sendiri. Kejayaan, kemakmuran akan dapat dicapai oleh rakyat jika Kerajaan dengan rakyat bekerjasama serapat-apatnya.

Orang-orang Melayu telah turun temurun menjadi nelayan-nelayan bekerja di sawah-sawah dan menjadi peladang. Boleh dikatakan dalam perusahaan menanam padi 90% adalah orang-orang Melayu. Begitu juga boleh dikatakan dengan perusahaan menangkap ikan. Saya menyeru kepada orang-orang Melayu supaya menukar cara pemikiran mereka kerana semenjak turun temurun kedua-dua mata pencarian ini tidak dapat menolong meninggikan taraf hidup orang-orang Melayu. Saya berharap banyak orang-orang kita tidak akan memandang kepada sawah-sawah dan laut sahaja untuk mencari nafkah tetapi diharap mencari peluang-peluang lain seperti membuat perusahaan-perusahaan baharu seperti menanam kelapa sawit, tebu dan lain-lain lagi. Orang-orang Melayu yang menanam padi, oleh kerana kawasan sawah sangat

kecil atau kurang menyebabkan mereka tidak dapat kehidupan yang sempurna. Selain daripada itu ialah kerana cara-cara yang digunakan oleh pesawah-pesawah kita adalah cara kuno dan tua dan tidak sesuai dengan keadaan masa. Saya berharap bukan saja cara-cara menanam padi dapat diperbaiki dengan menanam padi dua atau tiga kali setahun tetapi juga saya berharap tanah-tanah tidak akan dipecah-pecahkan tetapi hendaklah sentiasa di besarkan. "Fragmentation" tidak akan menolong orang-orang Melayu menaikkan taraf hidup mereka. Orang-orang Melayu mestilah memandang ke hadapan dan mestilah mengubah cara-cara membuat kerja.

Kerajaan berazam hendak memberi kehidupan yang sempurna kepada rakyat. Badan Pasaran Persekutuan akan menjamin pasaran hasil-hasil mereka dan kita berharap melalui badan ini masalah kaum-kaum tani yang ditindas dan ditekan oleh orang-orang tengah atau middlemen akan dapat dihapuskan sedikit sebanyak. Dan saya percaya perkara ini dapat di jalankan jika tuan-tuan semua dan rakyat Iain-lain menerima syarikat kerjasama dan gotong royong sebagai asas ekonomi tuan-tuan.

Saya dapat tahu Kerajaan Selangor memberi kerjasama yang baik dalam menolong kaum-kaum tani di negeri ini khususnya di daerah Tanjong Karang. Kerajaan Selangor sudahpun mengeluarkan lesen-lesen khas kepada semua syarikat-syarikat kerjasama dengan tidak kira bangsa. Inilah dasar Kerajaan Perikatan yang hendak menolong semua bangsa Cina, Melayu dan India. Tetapi saya berharap Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang lebih sedikit kepada anak-anak bumiputera oleh kerana mereka sangat berkehendakkan pertolongan lebih daripada kaum-kaum lain kerana keadaan ekonomi mereka, pelajaran mereka sangat mundur jika dibandingkan dengan kaum-kaum yang lain.

Pembukaan Masjid Negara menunjukkan perpaduan rakyat di negara ini yang berbilang bangsa dan agama bersatu padu. Ini menunjukkan keagongan Agama Islam yang didaulatkan sebagai Agama Rasmi negara ini. Pembukaan Masjid Negara juga melambangkan bagaimana "tolerant" nya rakyat semua bangsa yang menganut berbagai agama dan kepercayaan di negeri ini.

Tujuan Kerajaan ialah untuk mengadakan satu rupa bangsa dan satu taat setia di negara ini. Dasar-dasar Kerajaan semua dibuat ke arah ini dan kita berharap pada suatu masa tidak lama lagi satu rupa bangsa dan satu taat setia akan muncul di kalangan rakyat di negeri ini, boleh jadi pada keturunan yang akan datang.